

09/05/2000

Kebanggaan negara

SHAH ALAM: Berbeza dengan pelancaran kereta nasional sebelum ini, majlis meraikan pencapaian teknologi baru Proton menerusi pelancaran Waja malam tadi, jelas menonjolkan tahap kecanggihan pengeluar kereta nasional itu.

Daripada pelancaran `roket' untuk menandakan pelancaran sehinggalah kepada pemakaian kaca mata `eye-track' oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mengimbas sejarah pembangunan Proton Waja, jelas sekali Proton tidak seperti dulu.

Stadium Malawati di ibu kota Selangor itu dihiasi logo korporat baru Proton yang menonjolkan imej harimau, yang digantung di setiap penjuru stadium tertutup berkenaan.

Majlis bermula dengan bacaan doa, diikuti ucapan aluan oleh Pengerusi Proton, Tan Sri Mohd Saleh Sulong sebelum hadirin disajikan dengan video sejarah syarikat kereta nasional itu.

Ia diikuti ucapan Perdana Menteri, yang seterusnya mengumumkan nama baru kereta nasional terancang negara - Proton Waja.

Ketua Eksekutif Proton, Tengku Datuk Paduka Mahaleel Tengku Ariff kemudian turun ke pentas utama untuk memperkenalkan pasukan pembangunan Waja, yang dikenali GX 2000.

Apa yang pasti, kemasukan kira-kira 300 anggota GX 2000 yang mengibarkan Jalur Gemilang, disambut hangat oleh kira-kira 5,000 hadirin di stadium tertutup itu. Dr Mahathir kemudiannya menyampaikan sijil penghargaan kepada 20 ketua seksyen pasukan.

Dr Mahathir kemudian mengimbas sejarah pembangunan Proton Waja, dengan memakai kaca mata maya khas serta duduk di model kereta yang diperbuat daripada tanah liat - menandakan bermulanya `perjalanan' pembangunan kereta nasional terkini itu.

Tidak lama selepas itu, Perdana Menteri melancarkan pencapaian teknologi Proton, dengan disambut deringan bunga api roket, yang menandakan kemasukan tiga Proton Waja ke kawasan arena.

Pada majlis yang sama, Dr Mahathir turut menyumbangkan Proton Waja pertama kepada Pusat Sains Negara, untuk ditatap generasi akan datang.

(END)